

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 6 FEBRUARI 2017



HALIMATON SAADIAH BOHAN (dua kanan) bersama mangsa banjir kilat yang menerima sijil skim perlindungan insurans MyAngkasa Rumahku Syurgaku di Sekolah Kebangsaan Subang, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL YAZID ALIAS

71 mangsa banjir kilat terima Skim MyAngkasa

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**
kota@utusangroup.com.my

■ SUBANG 5 FEB.

SERAMAI 71 orang mangsa banjir kilat di Kampung Melayu Subang di sini bersyukur apabila menerima skim perlindungan insurans MyAngkasa Rumahku Syurgaku yang dianggap sebagai satu jaminan sosial yang mampu meringankan beban mereka pada masa depan.

Pemberian skim insuran yang menawarkan pelbagai manfaat sehingga RM25,000 sekiranya berlaku kejadian luar jangka itu merupakan inisiatif Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah Bohan dengan kerjasama Mykhairat Management Services Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat pengurusan insurans.

Seorang penerima, Jalil Basir, 42, berkata, pemberian skim itu diharapkan dapat memulihkan semula kehidupannya bersama isteri serta lima orang anak yang sekiranya kejadian yang sama berulang pada masa depan.

“Dalam kejadian banjir Disember lalu, saya sedang tidur ketika itu sebelum menyedari air telah masuk ke dalam rumah akibat hujan lebat. Mahu minta tolong dengan jiran-jiran pun, mereka juga berhadapan dengan masalah yang sama.

“Banyak barangan rumah yang rosak termasuk bekalan kerepek untuk jualan yang dianggarkan bernilai lebih RM1,000,” katanya selepas majlis penyerahan sijil skim perlindungan insurans MyAngkasa Rumahku Syurgaku di Sekolah Kebangsaan (SK) Subang, baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengarah Urusan Mykhairat Management Sdn. Bhd., Mohd. Yusni Ismail.

Sementara itu, seorang lagi penerima, Khairuddin Kassim, 67, menyifatkan skim itu dapat membantu dari segi kewangan sekiranya banjir kilat berulang.

Dalam pada itu, Halimaton Saadiah memberitahu, walaupun beliau sendiri menyalurkan bantuan namun jumlahnya mungkin tidak cukup untuk memulihkan semula kehidupan penduduk daan kerosakan harta benda.

“Selain kejadian banjir, skim MyAngkasa Rumahku Syurgaku itu turut menawarkan manfaat pampasan kecederaan, kebakaran dan sebagainya.

“Justeru, dengan pemberian skim ini, saya harap rakyat ditimpa musibah mendapat bantuan menyeluruh pada masa depan,” katanya yang membiayai premium skim itu meliputi RM70 setahun bagi setiap penerima.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Yusni memberitahu, pihaknya mengalu-alukan penyertaan dalam skim itu sebagai langkah komprehensif penyaluran bantuan secara terus.

Menurutnya, skim itu menawarkan kadar premium yang lebih rendah berbanding insurans lain bagi tempoh setahun.

“Pemimpin masyarakat boleh menjalankan tanggungjawab menerusi skim ini dan juga skim lain di bawah kami seperti Mykhairat yang melibatkan pengurusan jenazah,” ujarnya yang turut menyasarkan peningkatan keahlian MyAngkasa Rumahku Syurgaku seramai 50,000 ahli dengan nilai RM1.5 juta pada tahun ini.